

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

SOP Pendidikan

Sekolah, guru buat persediaan

Garis panduan diedar dirangka secara teliti oleh KKM, MKN babit pelbagai aspek

Kajang: Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah akan diedarkan mulai hari ini bagi membolehkan pihak sekolah dan guru membuat persediaan sewajarnya.

Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Mohd Radzi Md Jidin, berkata garis panduan berhubung pergerakan pelajar dalam sekolah bermula daripada setibanya pelajar di sekolah hingga mereka pulang, dihasilkan secara terperinci bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Kita keluarkan garis panduan ini bagi melihat apakah kaedah perlu dilakukan dalam konteks pembukaan sekolah dan persiapan sewajarnya harus dilakukan pihak sekolah bagi memastikan bila saja kita umumkan pembukaan, maka setiap sekolah sudah bersedia.

"Kementerian sentiasa berbin-cang dengan pihak sekolah iaitu ruang yang boleh ditambah baik dalam garis panduan itu akan kita lakukan, apa yang penting semua

pihak memainkan peranan iaitu pengurusan sekolah, guru termasuk ibu bapa misalnya, jika anak bergejala tidak perlu hantar ke sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada BERNAMA selepas melakukan lawatan kerja bagi persediaan pembukaan semula sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Engku Husain, Semenyih, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah; Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Mohd Rabin Basir; Ketua Pengarah Pelajaran, Dr Habibah Abdul Rahim dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Datuk Dr Mohd Gazali Abas.

Mohd Radzi berkata, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah akan memainkan peranan memantau sekolah



Dr Mohd Radzi (tengah) memberi penerangan berkenaan prosedur pembelian makanan pelajar mengikut garis panduan ditetapkan KKM dan MKN sambil diperhatikan Dr Noor Hisham (dua dari kanan), Dr Habibah (kanan), Mohd Rabin dan Mohd Gazali (kiri) ketika melawat SMK Engku Husain, Kajang, semalam. (Foto BERNAMA)

bagi memastikan garis panduan disediakan dipatuhi.

"Saya juga akan singgah di sekolah untuk melihat pelaksanaan garis panduan yang diadakan dan kita yakin pengurusan sekolah dan juga guru akan membantu Kementerian supaya garis panduan ini dipatuhi," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa tidak perlu risau menghantar anak ke sekolah, selain perlu memainkan peranan mendidik anak mendiplinkan diri sekurang-kurang-

nya dengan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial.

Ditanya bila sesi persekolahan akan bermula, beliau berkata, setakat ini masih tiada tarikh ditetapkan dan pihaknya bekerjasama dengan KKM dan MKN untuk memutuskan perkara itu.

"Apabila KKM dan MKN beres-akan sudah sampai masanya sekolah dibuka, kita akan umumkan dua minggu sebelum ia dibuka, kami belum menetapkan sebarang tarikh untuk pembukaan

sekolah," katanya.

Beliau berkata, pembukaan sekolah kelak hanya membabitkan pelajar Tingkatan 5 dan 6 saja dengan hampir 3,000 sekolah menengah di seluruh negara akan dibuka.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata setakat ini tiada arahan Kementerian Pendidikan untuk guru sekolah memulakan tugas setakat ini.

"Sekolah masih bercuti, jadi Kementerian Pendidikan masih belum mengeluarkan arahan mereka kembali bertugas.

"Tetapi jika mereka kembali secara sukarela untuk membantu guru besar menyediakan sekolah, ia bukan arahan Kementerian Pendidikan," katanya pada sidang media harian Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), semalam.

Beliau berkata, arahan sebelum ini hanya kepada Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) yang termasuk dalam kategori perkhidmatan pengurusan. BERNAMA

Penjarakan sosial jadi teras utama garis panduan

Kuala Lumpur: Penjarakan sosial menjadi teras utama garis panduan pembukaan semula sekolah yang disiapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perkara lain adalah murid perlu beratur pada jarak satu meter untuk mengambil makanan di kantin pada waktu rehat sebelum makan di bilik darjah masing-masing, bukan lagi di kantin.

"Garis panduan berkenaan boleh ditambah baik

mengikut keadaan semasa. Kita akan pastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar, tapi ini perancangan kita dan kita harapkan pelaksanaan berjalan sebaik mungkin," katanya pada sidang media yang disiarkan secara langsung, semalam.

Beliau memaklumkan, keutamaan pembukaan semula sesi persekolahan nanti adalah untuk Tingkatan Lima dan prauniversiti (Tingkatan Enam) dengan makluman mengenainya akan dibuat dua minggu sebelum sekolah dibuka.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Syor saringan awal sebelum pulang

Langkah sama boleh dilaksanakan terhadap warga asing sebelum dibenar masuk

Putrajaya: Kementerian Kesihatan sedang melihat kemungkinan untuk rakyat Malaysia dan yang mahu kembali ke negara ini untuk melakukan ujian saringan terlebih dulu di negara asal tempat mereka memulakan perjalanan. Langkah berkenaan juga boleh dilaksanakan terhadap warga asing sebelum mereka memasuki

negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya sedang melihat bagaimana warga asing dapat dibenarkan memasuki Malaysia, jika ujian saringan mereka didapati negatif.

Beliau berkata, ketika ini, inisiatif berkenaan dimulakan kerajaan Sabah, yang membenarkan warga negeri itu dan penjawat awam serta pekerja swasta yang mahu kembali, melakukan ujian saringan dalam tempoh tiga hari sebelum penerbangan, bagi membolehkan mereka dikecualikan daripada menjalani kuarantin wajib.

"Kalau kita nak ke Sabah dan Sarawak kita perlu lakukan saringan. Saringan itu kalau kita boleh laksanakan dalam tempoh tiga hari, tidak perlu kita dikuarantin di Sabah.

"Jadi ia satu inisiatif yang boleh kita guna pakai. Kita juga sedang merancang mungkin kita boleh guna pakai bukan saja di Sabah dan Sarawak, tetapi untuk negara kita," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.



Kamera thermal mengesan suhu badan di Pusat Pemantauan Saringan Suhu Badan berfungsi 24 jam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2).
 (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan 93 jangkitan baharu COVID-19 dicatatkan setakat jam 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlah kes positif kini mencecah 7,970 kes.

Beliau berkata, semua kes berkenaan adalah penularan tempatan membabitkan 91 kes bukan warganegara dan dua lagi dalam kalangan warganegara.

"Sebanyak 55 kes terabit adalah dari Depoh Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil dan 36 lagi daripada kluster Pedas.

"Tiada kes import yang mendapat jangkitan di luar negara," katanya.

Beliau berkata, 61 kes dilapor-

kan pulih, semalam, menjadikan angka kumulatif kes pulih sepe-
 nunnya dan keluar daripada wad ialah 6,531 atau 81.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 ialah 1,324 kes. Mereka sudah diasing dan diberikan rawatan.

"Enam kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan dua daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, tiada kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan, semalam, menjadikan jumlah kumulatif korban akibat virus itu di Malaysia kekal 115 atau 1.44 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Mengulas mengenai kluster Pedas, Dr Noor Hisham berkata, kes baharu itu menjadikan jumlah kes positif bagi kluster berkenaan 256 kes.

Beliau berkata, kes baharu itu dikesan hasil saringan ulangan terhadap individu terabit dalam tempoh kuarantin di pusat kuarantin.

"Mereka masih diasingkan di pusat kuarantin, justeru tidak membawa risiko penularan kepada masyarakat," katanya.

Katanya, 66 kes positif dilaporkan di DTI Bukit Jalil, 60 kes di DTI Sepang dan dua kes di DTI Putrajaya.

"Sebanyak 1,175 kes masih menunggu keputusan ujian saringan, yang kesemuanya membatalkan kluster DTI Bukit Jalil," katanya.

PM kembali bertugas hari ini


Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sebelum ini menjalani kuarantin di rumah susulan seorang pegawai positif COVID-19 akan kembali memulakan tugas di pejabat, hari ini.

Selain Perdana Menteri, semua 34 pegawai yang hadir mesyuarat pasca Kabinet di Pejabat Perdana Menteri pada 20 Mei dibenarkan berbuat demikian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada sidang media semalam berkata, ia berikutan ujian saringan yang dijalankan pada hari ke-13, kelmarin, didapati negatif seperti sebelum ini.

Perdana Menteri diarah menjalani kuarantin selama 14 hari di kediamannya bermula petang 22 Mei lalu.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan sebelum ini, memaklumkan tindakan itu diambil selepas seorang pegawai yang hadir pada mesyuarat pasca Kabinet di Pejabat Perdana Menteri disahkan positif COVID-19.



50 peratus aduan awam babit keperluan sokongan emosi

Putrajaya: Lebih 50 peratus daripada 9,338 aduan awam yang diterima Kementerian Kesihatan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah berkaitan keperluan sokongan emosi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata aduan itu diperolehi melalui platform talian sokongan psi-

ko sosial dan perkhidmatan kaunseling secara virtual melalui aplikasi terkini yang disediakan Kementerian dengan kerjasama pelbagai agensi lain.

"Antara isu dibangkitkan bagi mereka yang memerlukan sokongan emosi ini adalah stres, risau dan putus harapan, diikuti faktor sosial seperti hilang pekerjaan, tiada sumber pendapatan serta

masalah hubungan interpersonal.

"Selain itu, ada juga yang menghubungkan kita dan menyuarakan kebimbangan mereka mengenai COVID-19, iaitu kira-kira 18.8 peratus dan kita mengambil peluang ini untuk memberi maklumat terkini mengenainya," katanya pada sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ki-

ra-kira tujuh peratus aduan pula membabitkan keganasan rumah tangga, selain Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan masalah psikiatri.

"Kementerian Kesihatan berharap lebih ramai rakyat menggunakan perkhidmatan secara dalam talian ini dan jika perlu, selepas sesi kaunseling, kita juga akan nasihatkan (kes) dimasuk-

kan ke hospital. Bagaimanapun, setakat ini memadai (kaunseling) menggunakan kaedah virtual atau talian saja.

"Kita mempunyai 148 pegawai psikologi kaunseling ketika ini dan secara dasarnya, jumlah itu tidak mencukupi. Jika dilihat dari segi nisbah ketika ini adalah 1:52,000, sedangkan yang normal adalah 1:500," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Mangsa keracunan puding buih meninggal

Wanita alami kegagalan multiorgan kerana kejutan sepsis

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu: Selepas 10 hari bertarung nyawa di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), di sini, seorang wanita mangsa keracunan puding buih meninggal dunia, semalam.

Mangsa berusia 25 tahun dari Marang menghembuskan nafas terakhir di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada jam 10.40 pagi akibat kegagalan multiorgan kerana ke-

jutan sepsis.

Difahamkan, mangsa bersama beberapa ahli keluarganya sebelum ini dimasukkan ke HSNZ selepas mengalami keracunan makanan akibat makan puding buih yang dibeli secara dalam talian pada 22 Mei lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr Alias Razak berkata, wanita itu mangsa pertama meninggal susulan kes keracunan berkenaan.

Katanya, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) sudah membuat siasatan dan mengetahui punca.

"Tindakan kepada peniaga juga sudah diambil, cuma nasihat saya kepada peniaga makanan di seluruh negara supaya menitik beratkan aspek kesihatan terutama pemeriksaan kesihatan dan seba-



Ahli keluarga mangsa keracunan puding buih menuntut jenazah di rumah mayat Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

Wanita itu mangsa pertama meninggal susulan kes keracunan berkenaan.

Dr Alias Razak,
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Terengganu

gainya serta pembersihan bagi memastikan tidak ada apa-apa penyakit.

"Selain itu, jangan gunakan barang sudah tamat tempoh kerana ini membabitkan nyawa, kita tidak tahu walaupun penyakit ini nampak biasa dan tidak membawa maut, tetapi apa-apa boleh berlaku.

"Kerajaan negeri bersimpati dan berharap keluarga bersabar dengan dugaan diberikan. Selain itu, semua mangsa yang ditempatkan di HSNZ dan hospital swasta sudah pulih dan dibenarkan pulang secara berperingkat."

katanya ketika ditemui di perkarangan Unit Forensik HSNZ di sini, semalam.

Sebelum ini, 99 mangsa dari Kuala Terengganu dan Marang dikejarkan ke HSNZ kerana mengalami muntah dan cirit-birit selepas menikmati puding buih dibeli melalui dalam talian.

Ita membabitkan 20 keluarga iaitu 77 pesakit di Kuala Terengganu, manakala 22 pesakit dari Marang.

Telur tamat tempoh dipercayai digunakan dalam pembuatan puding buih menyebabkan kes keracunan itu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8A

RUANGAN : LOKAL

Oleh Saipul Adli Mohamad, Amir Abd Hamid dan Ekhwan Haque Fazlul Haque am@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 4,908 sampel dari empat Depoh Tahanan Imigresen (DTI) sudah diuji dengan 466 daripadanya didapati positif Covid-19.

Empat DTI itu memabatkan Bukit Jalil, Semenyih, Sepang dan Putrajaya.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes positif tertinggi memabatkan warga India iaitu sebanyak 123 kes.

"Ia diikuti warga Bangladesh dengan 108 kes, Indonesia (76), Myanmar (66), Pakistan (45) dan China (18).

"Tujuh kes memabatkan warga Sri Lanka, lima kes warga Nepal, empat kes warga Kemboja, tiga kes warga Filipina dan dua kes warga Mesir.

"Satu kes masing-masing warga Laos, Nigeria, Libya dan Syria," katanya pada sidang media harian perkembangan terkini Covid-19 di sini, semalam.

Mengenai status terkini Kluster Pedas, katanya, sebanyak 36 kes positif baharu dilaporkan semalam, men-

DEPOH TAHANAN IMIGRESEN

Warga India tertinggi positif



DR Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya.

jadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 bagi kluster itu sebanyak 256 kes.

"Kes positif kluster ini memabatkan 14 kes di kalangan warga Malaysia dan

242 kes bukan warganegara," katanya.

Menurutnya, pecahan bagi 242 kes itu adalah 136 kes warga Nepal; Bangladesh (55), Myanmar (26), Indo-

nesia (21), India (tiga) dan satu kes memabatkan warga Vietnam.

"Kes positif baharu ini di-kesan hasil daripada saringan ulangan dalam tempoh

mereka di pusat kuarantin.

"Mereka masih diasingkan di pusat kuarantin, justeru tidak membawa risiko penularan kepada masyarakat," katanya.

FOTO: MOHD FADLI HAMZAH

Muhyiddin, 34 pegawai masuk pejabat

Putrajaya: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan semua 34 ahli mesyuarat pasca Kabinet yang sebelum ini perlu menjalani kuarantin 14 hari di rumah susulan seorang pegawai didapati positif Covid-19, sudah boleh memulakan tugas di pejabat, hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia berikutan ujian saringan dijalankan pada hari ke-13, kelmarin didapati negatif seperti sebelum ini.

"Hari ini sebenarnya hari ke-14 daripada pertama kali mereka dikenakan pengasingan dan kuarantin. Kami sudah mengambil calitan dan semua ahli mesyuarat pasca Kabinet itu didapati negatif jangkitan.

"Esok mereka boleh memulakan kerja di pejabat dan sebagainya. Bagi pegawai yang sebelum ini didapati positif, keadaannya sudah semakin baik dan ujian calitan dilakukan mendapati ia memperoleh keputusan negatif," katanya.

Covid-19: 93 kes baharu, hanya 2 babit warganegara



Terdapat pertambahan 61 kes pulih dan dibenarkan discaj"

Dr Noor Hisham

negara Malaysia memabatkan satu kes saringan pelajar tahfiz dan satu kes Kluster Pasar manakala tiada kes import yang mendapat jang-

kitan di luar negara.

"Terdapat pertambahan 61 kes pulih dan dibenarkan discaj daripada hospital menjadikan jumlah kumulatif kes pulih terus meningkat kepada 6,531 kes dengan kadar kesembuhan 81.9 peratus.

"Sehubungan itu, kes aktif dengan kebolehan jangkitan Covid-19 sebanyak 1,324 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan di hospital.

"Sehingga kini, enam kes

positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dua daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian berkaitan Covid-19 di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan hari ini menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah 115 kes iaitu 1.44 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

RINGKAS

KKM terima 9,338 panggilan

Putrajaya: Tertenak, keganasan rumah tangga, kehilangan kerja serta kebimbangan mengenai Covid-19 antara aduan orang ramai menerusi perkhidmatan kaunseling dilaksanakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang negara dilanda wabak itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, KKM sentiasa meningkatkan kebolehan perkhidmatan kesihatan mental dengan kerjasama bersama agensi lain secara digital.

Menurutnya, talian sokongan dan kaunseling secara virtual diberikan kepada individu yang berdepan dengan pelbagai masalah termasuk emosi, kewangan dan sosial. "Sehingga kini, pusat panggilan sokongan itu menerima 9,338 panggilan daripada orang ramai dengan diuruskan 148 pegawai psikologi kaunseling KKM.

"Secara dasarnya jumlah pegawai itu tidak mencukupi kerana kita lebih secara nisbah satu kepada 52,000 sedangkan normalnya satu kepada 500," katanya.

Yakin garis panduan untuk pelajar mampu bendung penularan Covid-19

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yakin garis panduan untuk pelajar mampu membandung penularan Covid-19 sebaik sesi persekolahan dibuka semula.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, garis panduan yang diwujudkan bersama Kementerian Pendidikan ini akan ditambah baik mengikut keperluan semasa.

Menurutnya, sesi persekolahan yang dibuka kelak akan diberi keutamaan kepada pelajar tingkatan lima dan tingkatan enam yang akan menduduki peperiksaan.

"Dua minggu sebelum (sekolah) dibuka, baru kita akan maklumkan tapi apa yang pasti...kita belum buat keputusan bila akan dibuka.

"Melihat kepada pelaksanaan (garis panduan) itu, saya yakin kemampuan untuk bendung penularan jangkitan," katanya di sini, semalam.

Majikan pekerja warga asing perlu pantau

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meminta majikan yang mengajikan pekerja warga asing untuk memainkan peranan lebih besar dalam sama-sama menangani penularan Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia memandangkan isu penularan virus itu dalam kalangan pekerja bukan warganegara amat penting untuk ditangani.

Katanya, pihak majikan perlu memberi pendidikan kepada pekerja mengenai amalan kebersihan sendiri, persekitaran di tempat kerja dan tempat tinggal serta langkah pencegahan.

"(Majikan perlu) menyediakan penginapan kondusif untuk memastikan penjarakan sosial yang selamat dapat diamalkan.

"Memantau dan memastikan amalan pencegahan jangkitan dipraktikkan oleh

pekerja (asing) di tempat kerja dan tempat penginapan mereka.

"Menyaring pekerja bukan warganegara untuk Covid-19 terutama dalam sektor pembinaan dan keselamatan di semua zon merah seperti yang diarahkan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media harian perkembangan terkini Covid-19, di sini, semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, pekerja warga

asing dari zon kuning dan zon hijau pula digalakkan disaring dengan inisiatif majikan masing-masing.

"Tenaga kerja adalah aset berharga bagi sesebuah syarikat mahupun organisasi. Ini termasuk pekerja kalangan warganegara dan juga bukan warganegara.

"Majikan yang baik adalah majikan yang sentiasa memastikan kebajikan dan keselamatan pekerja mereka terjamin," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kluster Pedas meningkat

36 kes baharu dikesan hasil saringan ulangan dijalankan dalam tempoh kuarantin

PUTRAJAYA

Jumlah kes Covid-19 kluster Pedas yang membabitkan pekerja asing di kilang pemrosesan ayam terus meningkat apabila 36 kes positif wabak itu dikesan semalam. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes positif baharu itu telah dikesan hasil saringan ulangan dijalankan dalam tempoh kuarantin. "Mereka masih diasingkan di pusat kuarantin. Justeru ia tidak membawa risiko penularan

kepada masyarakat," katanya pada sidang media di sini semalam.

Menurutnya, pertambahan angka itu menjadikan jumlah kumulatif kluster itu melonjak kepada 256 kes.

"Kluster ini melibatkan 14 kes warga tempatan dan 242 bukan warga-negara," katanya.

Katanya, seramai 136 warga Nepal disahkan positif Covid-19, 55 melibatkan warga Bangladesh, 26 kes warga Myanmar dan 21 warga Indonesia.

"Tiga kes lagi melibatkan warga India dan satu kes warga Vietnam," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, 55 kes positif dikesan di Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil menjadikan jumlah kes positif di depot itu adalah sebanyak 338 kes.

"Depot Tahanan Imigresen Semenyih, Sepang



DR NOOR HISHAM

dan Putrajaya tidak merokodkan sebarang kes positif baharu.

"Jumlah keseluruhan kes positif di empat depot berkenaan adalah sebanyak 466 manakala 1,175 lagi masih menunggu keputusan ujian saringan Covid-19," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 93 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan semalam.

Katanya, kesemua kes tersebut melibatkan penu-

laran tempatan.

"Daripada jumlah itu, 91 kes melibatkan warga asing yang mana 55 kes adalah daripada Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil dan 36 kes daripada kluster Pedas," katanya.

Bagaimanapun, katanya, hanya dua kes positif Covid-19 membabitkan rakyat tempatan.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini adalah sebanyak 7,970 kes dan hanya 1,324 kes yang masih dirawat di hospital," katanya.

Beliau turut memaklumkan terdapat 61 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah sebanyak 6,531 kes.

Katanya, kes kematian berkaitan Covid-19 kekal 115 kes apabila tiada kes baharu dilaporkan sejak 12 hari lalu.

SOP buka semula sekolah mampu bendung penularan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yakin prosedur operasi standard (SOP) untuk pembukaan semula sekolah yang telah siap dirangka mampu membendung penularan jangkitan wabak koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini kerana garis panduan tersebut telah mengambil kira semua perkara penting khususnya melibatkan penjarakkan sosial.

"Kita masih belum lagi membuat keputusan bila akan buka sekolah tetapi SOP dan garis panduan telah siap sedia.

"Bila saya lihat kepada pelaksanaan itu (ketika membuat tinjauan ke sekolah) saya yakin bahawa SOP (pembukaan semula sekolah) yang ada dapat membendung jangkitan," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, ketika ini tarikh sebenar sekolah akan dibuka semula masih belum diputuskan lagi.



"Keutamaan (kerajaan) ialah kalau kita buka (sekolah) untuk pelajar Tingkatan Lima dan Tingkatan Enam yang akan menduduki peperiksaan.

"Jadi jangka masa ialah dua minggu sebelum sekolah buka, baru kita maklumkan kepada mereka," katanya.

Menurutnya, berdasarkan SOP pembukaan semula sekolah yang dirangka KKM dan Kementerian Pendidikan itu, pelajar tidak dibenarkan makan di kantin, sebaliknya makan di dalam kelas masing-masing.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 7,970 | PULIH: 6,531 | ICU: 6 | KEMATIAN: 115 | KES BAHARU: +93



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 7,877 kes kepada 7,970 kes

*Dikemas kini pada jam 6 petang 3 Jun 2020

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS/NATION



Frontliners taking swabs from residents of Pangsapuri Taman Langat Murni in Kuala Langat yesterday.
BERNAMA PIC

TRAVELLERS

GOVT MAY EMULATE SABAH'S POLICY

People will undergo Covid-19 screening 3 days prior to entering Malaysia, says Health D-G

HANA NAZ HARUN
AND TEOH PEI YING
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Health Ministry will consider allowing people who have tested negative for Covid-19 three days prior to their trips, to enter Malaysia.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the federal government was mulling the possibility of emulating a policy, which was recently announced by the Sabah government.

"This is an initiative we are looking into, not only for Sabah and Sarawak, but also for those who wish to enter the country.

"It can be used for Malaysians who want to return to the country and foreigners who want to come to Malaysia.

"We will allow them to enter if they have tested negative (for the

virus) in their countries," he said at the daily Covid-19 press conference here.

Dr Hisham said the ministry was looking at whether it wanted to place Malaysians who returned to the country in quarantine centres or at home.

However, he said, those who had yet to be screened would be quarantined.

On Tuesday, Sabah Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal said Malaysians entering the state would not have to undergo quarantine.

Instead, they will be required to undergo a Covid-19 screening three days before entering the state either by air, sea or land.

Those who tested negative for the virus will be allowed to enter Sabah without having to undergo quarantine.

Malaysia recorded 93 new Covid-19 cases yesterday, increasing the tally to 7,970.

Dr Noor Hisham said 91 of the 93 cases involved foreigners, while the remaining two were locals.

"Of the 91 cases, 55 were from the Bukit Jalil Immigration detention depot and 36 from the Pedas cluster."

The number of active Covid-19 cases in the country stands at 1,324, and the people infected

have since been isolated and treated. Sixty-one more patients have recovered, bringing the total number of recovered cases to 6,531, or 81.9 per cent.

The ministry did not record any death yesterday.

Dr Noor Hisham said only the Bukit Jalil Immigration detention depot and the Pedas factory clusters were active.

He said 41,319 foreigners had been screened for the virus.

The number of positive cases among foreigners stood at 2,108, while another 2,234 were awaiting results.

"Of the positive cases, 824 (39.1 per cent) are being treated, 1,280 (60.7 per cent) have been cured, while four deaths have been recorded."

On the foreign workers in the Pedas cluster who tested positive for Covid-19, Dr Noor Hisham said they would not be able to transmit the virus to the community as they had been isolated at the quarantine centres.

The number of people who tested positive in this cluster was 256.

"The positive cases from this cluster include 14 Malaysians and 242 foreign nationals with 136 from Nepal, Bangladesh (55), Myanmar (26), Indonesia (21), India (three) and Vietnam (one)."

CLOSE CONTACT

PM, 34 officers to return to work today after quarantine

PUTRAJAYA: All the 35 government officers, including Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, who were ordered to undergo mandatory self-quarantine after they were found to be in close contact with an officer who tested positive for Covid-19, have been allowed to go to their offices to resume work today, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He said they had completed their mandatory 14-day quarantine, which started on May 21.

"Swabs were taken from the post-cabinet members and the results were negative."

"They can resume work tomorrow (today)," he said.

On the officer who tested positive for Covid-19, Dr Noor Hisham said the person's condition was improving and a recent swab returned negative for the virus.

On May 20, the prime minister and 34 officers were asked to un-

dergo self-quarantine at home for 14 days after the officer, who attended a post-cabinet meeting, tested positive for Covid-19.

Swabs were taken from the post-cabinet members and the results were negative. They can resume work tomorrow (today).

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally												
(As of 7pm June 3 2020)												
Malaysia							New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered		
							93	7,970	115	6,531		
Asean+	China	Singapore	Indonesia	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	83,021	36,405	28,233	19,748	16,930	11,590	3,084	328	233	141	125	19
Deaths	4,634	24	1,698	974	894	273	58	0	6	2	0	0
Recovered	78,314	23,175	8,406	4,153	14,650	10,467	2,968	302	143	138	123	18
Global Top 10	US	Brazil	Russia	Spain	UK	Italy	India	Germany	Peru	Turkey		
Confirmed cases	1,881,256	558,237	432,277	287,012	277,985	233,515	208,543	184,091	174,884	165,555		
Deaths	108,062	31,309	5,215	27,127	39,369	33,530	5,834	8,674	4,767	4,585		
Recovered	646,260	253,570	195,957	N/A	N/A	160,092	100,419	167,300	69,257	129,921		

DG: Employers have key role to play

By SIRA HABIBU and ASHLEY TANG
 newsdesk@thestar.com.my

'New cases involving non-citizens remain high'

PETALING JAYA: Employers should play a pivotal role in helping to break the chain of Covid-19 transmission among foreign workers, says Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He pointed out that the number of new cases involving non-citizens remained high, with 91 of the 93 new cases recorded until noon yesterday involving foreign workers.

Of the 41,319 non-citizens tested, 2,108 were confirmed positive, with 824 of them still undergoing treatment, he said.

"As such, we urge employers to take on a more sizable role in addressing the matter," said Dr Noor Hisham, who added that measures that need to be taken include educating workers on hygienic practices at home and at work, and providing them with a conducive place to stay so they could observe appropriate social distancing.

"Screen foreign workers, especially at construction sites and among security guards in red zones.

"Employers are also encouraged to screen foreign workers in yellow and green zones," he said in Putrajaya yesterday.

Dr Noor Hisham said, 466 Covid-19 cases had been detected at four immigration detention centres, with 338 cases at the Bukit Jalil



Back to school: Dr Noor Hisham and Education Minister Dr Mohd Radzi Md Jidin with other officials during a work visit to SMK Engku Husain in Kajang yesterday. — Bernama

detention centre, followed by Semenyih (66), Sepang (60), and Putrajaya (two).

Topping the list of infected foreigners at the detention centres are those from India (123), followed by Bangladesh (108), Indonesia (76), Myanmar (66), Pakistan (45), China

(18), Sri Lanka (seven), Nepal (five), Cambodia (four), the Philippines (three), Egypt (two), and one each from Laos, Nigeria, Libya and Syria.

On a whole, Malaysia recorded 93 new cases yesterday, bringing the total to 7,970 cases.

One third (or 36) of the new cases

came from the Pedas Cluster, bringing the total number of cases there to 256, with foreigners forming the bulk, with 242 cases.

The death toll from Covid-19 remained at 115 as no deaths were recorded yesterday.

Dr Noor Hisham also said 668 of

the 21,767 students, teachers and staff from 407 tahfiz schools tested positive.

Of the 41,515 samples associated with the Masjid Seri Petaling cluster, 3,373 tested positive.

Meanwhile, screenings held at 391 markets resulted in 272 positive cases, while 26 of the 15,861 residents and caregivers at 360 old folks homes were found to be positive.

Of the 49,206 Malaysians who returned from abroad, 523 tested positive so far, while of the 17,375 patients tested prior to operations, 13 were found positive.

Separately, Dr Noor Hisham said everyone who was quarantined after attending a post-Cabinet meeting will be allowed to return to work today after testing negative.

On May 22, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin was placed under a 14-day quarantine after an officer who was present at the post-Cabinet meeting on May 20 tested positive.

"Yesterday was already the 14th day since the day of their isolation. We have taken the swabs from them, and everyone from the meeting have tested negative," he said, adding that the condition of the officer who tested positive was also improving.

Watch the video  [thestartv.com](https://www.thestartv.com)

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Only two M'sians among 93 new cases

■ BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The high number of new Covid-19 infections among migrants has become a cause for concern, Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday.

As of noon yesterday, there were 93 new cases, of which 91 involved foreigners. This brings the total number of infections to 7,970.

Only two of the cases involved Malaysians, who were infected through local transmission. Yesterday's tally was the highest in five days.

There were no fatalities yesterday and the death toll remains at 115.

Noor Hisham told a daily media briefing on the pandemic that 55 new cases were detected at the Bukit Jalil Immigration detention depot and 36 at a cluster in Pedas.

He said the two Malaysians were infected at a tahfiz and a market.

Of the 256 cases detected in Pedas, 242 are foreigners, comprising 136 Nepalis, 55 Bangladeshis, 26 Myanmars, 21 Indonesians, three Indian nationals and one Vietnamese.

Noor Hisham said among the foreigners who were infected at detention centres in Bukit Jalil, Sepang, Semenyih and Putrajaya, Indian nationals accounted for 123, followed by 108 Bangladeshis. Of the rest, there were 76 Indonesians, 66 Myanmars, 45 Pakistanis, 18 Chinese nationals, seven Sri Lankans, five Nepalis, four Cambodians, three Filipinos, two Egyptians and one each from Laos, Nigeria, Libya and Syria. He urged employers of migrant workers to look after the welfare of their workers.